



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

UCAPAN

YBRS EN. HUSSALMIZZAR BIN HUSSAIN

PENGARAH KANAN

JABATAN STANDARD MALAYSIA

FORUM JABATAN STANDARD MALAYSIA BERSAMA

BADAN PENILAIAN PEMATUHAN 2024

4 DISEMBER 2024

JABATAN STANDARD MALAYSIA

Yang Berusaha,

Pengarah Akreditasi, En. Wan Rukiman Wan Mamat, wakil-wakil badan penilaian pematuhan, dan pegawai-pegawai Jabatan Standard Malaysia yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua yang sudi melapangkan masa untuk menghadiri **Forum Jabatan Standard Malaysia Bersama Badan Penilaian Pematuhan 2024** pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan komitmen dalam memastikan pematuhan berterusan terhadap keperluan dan kriteria akreditasi.

Pada 9 Jun setiap tahun, Hari Akreditasi Sedunia akan disambut dengan penuh bermakna. Dengan tema tahun ini, "**Akreditasi: Memperkasa Hari Esok dan Membentuk Masa Depan**", peranan akreditasi diangkat untuk memanfaatkan peluang baharu dalam menangani cabaran global. Tema ini turut menekankan "Akreditasi" yang dapat memberikan keyakinan terhadap teknologi baharu, pendigitalan, dan kelestarian ketika dunia mengalami perubahan transformatif yang pantas.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Akreditasi telah menjadi tonggak utama untuk memastikan keyakinan masyarakat selama beberapa dekad iaitu bermula dari asal-usulnya dalam metrologi dan kalibrasi, yang membina kepercayaan terhadap ketepatan pengukuran dan perkhidmatan pengujian untuk melindungi keselamatan pengguna dan menjana hasil Kerajaan. Akreditasi kini secara tidak langsung menjadi asas kepercayaan dalam hampir setiap aspek kehidupan seharian kita.

Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0), yang dicirikan oleh integrasi teknologi digital seperti kecerdasan buatan (AI), robotik, *Internet of Things* (IoT), dan analitik data besar merupakan era transformasi yang memberi kesan terhadap masyarakat dan industri kita pada hari ini. Teknologi-teknologi ini secara asasnya telah mengubah cara kita menghasilkan sesuatu, berinteraksi dan berinovasi. Dengan menyediakan rangka kerja kepercayaan dan kebolehpercayaan, akreditasi membolehkan syarikat/organisasi mengadaptasi teknologi baharu dengan penuh keyakinan dalam memacu inovasi. Penilaian yang diakreditasi mengesahkan produk dan proses baharu mampu memenuhi keperluan ketat, memudahkan penerimaan dan integrasi mereka ke dalam sistem yang sedia ada, sama ada dalam bidang pembuatan, penjagaan kesihatan, atau pertanian.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Baru-baru ini, Bahagian Akreditasi, Jabatan Standard Malaysia telah selesai melaksanakan *APAC Peer Evaluation* yang telah berlangsung pada 19 sehingga 24 Mei 2024. Hasil keputusan penilaian tersebut menunjukkan sistem akreditasi JSM adalah konsisten, mematuhi standard antarabangsa yang ditetapkan dan selari dengan ISO/IEC 17011. Penilaian tersebut penting kerana ia memastikan proses akreditasi yang dijalankan oleh JSM telus, tiada diskriminasi dan berkredibiliti, serta meliputi pelbagai jenis organisasi seperti makmal pengujian dan kalibrasi, badan pensijilan, badan pemeriksaan, badan pengujian kecekapan dan badan validasi dan verifikasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, sistem akreditasi telah dinaikkan taraf ke e-Accreditation 2.0 oleh Jabatan Standard Malaysia. Ini menandakan satu langkah penting ke arah memperkasakan proses akreditasi di negara ini. Sistem ini direka untuk menggantikan sistem lama dengan pendekatan digital sepenuhnya dan semua aspek pengurusan akreditasi, seperti permohonan, penilaian dan pembayaran, dilakukan secara atas talian. Pendekatan ini memudahkan pengguna dan pihak yang terlibat dalam sistem akreditasi, menjadikannya lebih cepat, efisien, dan selari dengan perkembangan teknologi.

Sistem baharu ini memfokuskan peningkatan interaksi digital antara badan-badan yang memohon akreditasi dengan Jabatan Standard Malaysia. Di samping itu, sistem ini juga menyediakan panduan yang lebih jelas, menjadikan keseluruhan proses dilaksanakan secara digital dan membantu organisasi memastikan kepatuhan mereka terhadap standard antarabangsa. Terdapat beberapa *Conformity Assessment Body* (CAB) yang telah dipilih sebagai *pilot project* menggunakan sistem ini dan beberapa penilai juga telah menggunakan sistem ini semasa penilaian. Terima kasih diucapkan kepada CAB dan penilai-penilai yang terlibat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, marilah kita bersama-sama mengambil peluang dan ruang yang disediakan untuk saling bertukar fikiran dan idea secara terbuka selain menerima sebarang teguran dengan positif demi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh JSM kepada CAB khususnya dan rakyat amnya adalah yang terbaik dan disenangi oleh banyak pihak.

Saya berharap sesi Dialog Bersama CAB dalam forum ini akan membawa kepada penyelesaian yang kreatif dan inovatif bagi menghadapi cabaran semasa dan masa depan dalam bidang akreditasi kebangsaan, serantau dan antarabangsa amnya.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian atas sokongan padu dan kerjasama yang telah diberikan, khususnya kepada pegawai-pegawai saya selama ini. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan telah menjadi pemangkin dalam memastikan infrastruktur dan sistem perkhidmatan akreditasi Jabatan Standard Malaysia terus cemerlang, gemilang, dan terbilang, bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di persada antarabangsa.

Dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Forum Jabatan Standard Malaysia Bersama Badan Penilaian Pematuhan 2024**.

Sekian, terima kasih.

“Accredited Once Accepted Everywhere”